

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YANG BERHORMAT DR. KO CHUNG SEN
[KAMPAR]**

TARIKH : 14 MAC 2016

SOALAN :

YB Dr. Ko Chung Sen [Kampar] minta PERDANA MENTERI menyatakan selain daripada gaji dan keistimewaan yang diterimanya sebagai Ahli Parlimen dan Perdana Menteri, sama ada :-

- (a) beliau mempunyai apa-apa pendapatan lain daripada syarikat-syarikat; dan**
- (b) beliau menikmati sebarang faedah dalam bentuk kad kredit korporat, dan adakah pendapatan dan faedah dari luar ini telah diisytiharkan kepada LHDN.**

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri tidak ada menerima sebarang pendapatan lain daripada syarikat-syarikat dan tidak menerima apa-apa faedah dalam bentuk kad kredit korporat.

Sekian, terima kasih.